

10/06/2003

Malaysia dipilih pusat serantau ICRC

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Palang Merah Antarabangsa (ICRC) memilih Malaysia sebagai pusat penyebaran kefahaman mengenai undang-undang kemanusiaan antarabangsa bagi rantau Asia Pasifik.

Pengarah Undang-Undang dan Kerjasama Antarabangsa ICRC di Geneva, Dr Francois Bugnion, berkata pemilihan itu dibuat berdasarkan kejayaan Malaysia mengekalkan keamanan serta kestabilan politik hasil dasar yang mengutamakan perundangan.

Beliau berkata, kelantangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetengahkan isu kemanusiaan di pelbagai forum antarabangsa turut mendorong ICRC memilih Malaysia.

Bugnion berkata demikian pada sidang media selepas majlis perasmian Seminar Antarabangsa Mempertingkatkan Pematuhan Undang-Undang Kemanusiaan

(Peringkat Pakar) anjuran ICRC, di sini semalam.